

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)  
Hari/Tarikh: 28/3/2016  
Muka surat: m2

Tajuk : Polis Bantuan Unimas dapat kenderaan baharu

## Polis Bantuan Unimas dapat kenderaan baharu



**DATU** Dr. Hatta Solhi menyerahkan replika kunci kepada Naib Canselor UNIMAS sebagai simbolik penyerahan kenderaan polis bantuan UNIMAS.

**MAJLIS** penyerahan kunci aset kenderaan Polis Bantuan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Datu Dr Hatta Solhi bertempat di Padang

Kawad, DeTAR PUTRA, baru-baru ini.

Sebanyak 22 kenderaan diserahkan kepada Bahagian Keselamatan Unimas yang merangkumi dua kereta jenis Proton Preve, lima

buah motosikal jenis Kawasaki Ninja 250cc, dan 15 motosikal Yamaha Lagenda 115cc.

Bahagian Keselamatan Unimas yang dahulunya dikenali sebagai Unit Keselamatan Uni-

mas bukan sahaja berfungsi sebagai satu agensi keselamatan malahan berperanan bagi membantu mencegah jenayah di kampus dan mengawal kesalahan peraturan sekitar kampus.

**PROF** Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi menyerahkan kenderaan kepada polis bantuan UNIMAS.

Penubuhan Polis Bantuan Unimas diluluskan pada 18 Mei 2015 dan pelancaran majlis penyerahan sijil kelulusan Polis Bantuan Unimas telah disempurnakan pada 16 Jun 2015.

Kini, kampus dikawal oleh anggota Polis Bantuan Unimas untuk menguat kuasa undang-undang serta peraturan dengan lebih teratur dan efisien.

Turut menyaksikan majlis penyerahan aset tersebut ialah Naib Canselor Unimas Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Naib Canselor Unimas, pegawai dan kakitangan Unimas.